

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 15.11.2016

SOALAN :

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) adakah Kementerian membuat pemantauan terhadap pengurusan sekolah apabila membuat penilaian pemberian sebut harga kantin sekolah sejajar dengan mutu makanan ; dan
- (b) adakah ianya berdasarkan kepada tawaran sebut harga kantin yang tinggi atau tawaran harga makanan yang ditawarkan memandangkan tiada perbezaan harga di antara kakitangan sekolah dengan para pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia membuat pemantauan bagi memastikan pihak sekolah membuat penilaian terhadap pemberian sebut harga kantin sekolah supaya sejajar dengan mutu perkhidmatan yang diberikan seperti berikut;

- i. Pihak sekolah diminta menjemput seorang wakil dari Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Gabungan/Pejabat Pendidikan Daerah dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi menganggotai Jawatankuasa Sebut Harga.
 - ii. Setiap sekolah telah dibekalkan buku Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat cetakan tahun 2011 sebagai panduan bagi melaksanakan sebut harga.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian sebut harga tidak bergantung kepada tawaran harga yang tinggi semata-mata. Jawatankuasa Sebut Harga akan membuat penilaian berdasarkan kemampuan pengusaha seperti kemampuan kewangan petender. Pihak petender diminta menghantar penyata terkini bank bersama-sama permohonan sebut harga serta melengkapkan Borang Butiran Pemohon Lampiran C sebagai perakuan latar belakang petender dari segi pendaftaran, pengalaman dan tahap kesihatan.

RJM53